Status dan Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana

Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005[1] menunjukkan bahawa 99.2% atau 518,996 pertubuhan perniagaan ialah perusahaan kecil dan sederhana, dengan 411,849 merupakan perusahaan mikro. Kebanyakan daripada PKS ini adalah dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam perniagaan runcit, restoran dan borong. Jumlah guna tenaga dalam PKS adalah lebih daripada 3 juta pekerja, dan kumpulan ini menjana nilai ditambah sebanyak RM154 bilion pada tahun 2003.

Ketersediaan data mengenai status dan prestasi PKS adalah penting bagi membantu Kerajaan merumus strategi dan dasar yang lebih tersasar untuk menggalakkan pembangunan PKS. Oleh itu, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah memutuskan supaya satu banci seluruh negara dijalankan untuk memperoleh maklumat yang komprehensif mengenai status dan prestasi PKS di negara ini.

[1] Penilaian awalan

Banci Pertubuhan dan Enterpris Tahun 2005, yang dimulakan pada bulan Mac 2005, merupakan banci komprehensif yang pertama dijalankan atas perusahaan perniagaan dalam tiga sektor utama ekonomi, iaitu pertanian, perkilangan dan perkhidmatan. Borang soal selidik telah dihantar kepada 1.7 juta pertubuhan perniagaan, dan borang yang telah dilengkapi diterima daripada 523,132 pertubuhan, terdiri daripada perusahaan mikro, kecil, sederhana dan besar (sila rujuk Bab 3 untuk mendapatkan definisi).



Tinjauan Keseluruhan Pertubuhan

Hasil Banci menunjukkan bahawa terdapat 518,996 PKS. Jumlah ini merupakan 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia, manakala baki sebanyak 4,136 pertubuhan perniagaan merupakan perusahaan besar.

> Jumlah ini merupakan 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia.

Perusahaan mikro yang melebihi 411,849 pertubuhan perniagaan merupakan 79.4% daripada jumlah PKS dan 78.7% daripada jumlah pertubuhan perniagaan dalam negara. Perusahaan kecil pula mencakupi 18.4% atau 95,490 pertubuhan, diikuti oleh perusahaan sederhana yang hanya mencakupi 2.2% atau 11,657 pertubuhan.

PKS mengikut Sektor

PKS merupakan bahagian terbesar pertubuhan perniagaan dalam ketiga-tiga sektor – pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.

PKS dalam sektor perkhidmatan merupakan kategori terbesar, dengan lebih 449,004 PKS (atau 86.5% daripada jumlah PKS) terlibat dalam sektor ini. Sebahagian besar daripada PKS itu terdiri daripada perusahaan mikro (80.4%), diikuti oleh perusahaan kecil (17.6%) dan sederhana (2.1%). Kebanyakan daripada PKS itu terlibat dalam subsektor perkhidmatan berikut: runcit, restoran, borong, pengangkutan dan komunikasi serta perkhidmatan profesional.

Terdapat 37,866 PKS dalam sektor perkilangan, dengan kebanyakannya terlibat dalam pengeluaran pakaian dan tekstil, logam dan keluaran mineral, dan makanan dan minuman. Kira-kira separuh daripada PKS dalam sektor itu merupakan perusahaan mikro, diikuti oleh perusahaan kecil (39.5%) dan sederhana (5.2%).

Sementara itu, terdapat 32,126 PKS dalam sektor pertanian, terutamanya aktiviti tanaman untuk makanan dan pasaran, hortikultur dan ternakan. Sebanyak 93.3% daripada PKS dalam sektor pertanian ialah perusahaan mikro.

PKS dan Perusahaan Besar mengikut Sektor



Dari segi status PKS di sisi undang-undang, hak milik perseorangan merupakan kumpulan terbesar dan mencakupi 68.5% daripada jumlah PKS. Ini diikuti oleh sendirian berhad (21.2%) dan perkongsian (9.7%). Sebahagian besar daripada perusahaan mikro adalah dalam bentuk hak milik perseorangan, sementara kebanyakan daripada perusahaan kecil dan sederhana adalah dalam bentuk sendirian berhad.

PKS dan Guna Tenaga

Hasil Banci mengesahkan bahawa PKS ialah majikan yang utama dalam pasaran pekerja. Sejumlah 518,996 PKS yang memberi maklum balas kepada banci telah mengambil lebih daripada 3 juta pekerja, mencakupi 65.1% daripada jumlah guna tenaga sebanyak 4.6 juta dalam pertubuhan perniagaan itu. Daripada jumlah ini, 2.2 juta pekerja diambil bekerja dalam sektor perkhidmatan, manakala 740,000 dan 131,000 pekerja masing-masing diambil bekerja dalam sektor perkilangan dan pertanian. Guna tenaga yang diwujudkan oleh PKS terdiri daripada pekerjaan secara sendiri (pemilik perniagaan yang bekerja sendiri, rakan niaga yang aktif dan ahli keluarga yang bekerja tanpa bayaran gaji) serta pekerjaan sepenuh masa dan sambilan.

PKS mempunyai syarat pekerjaan yang lebih fleksibel. Kira-kira tiga suku, atau 76.5% daripada jumlah pekerja PKS bekerja sepenuh masa, manakala 16.7% bekerja sendiri dan 6.7% lagi bekerja secara sambilan. Sebaliknya, 97.1% daripada jumlah tenaga kerja perusahaan besar bekerja sepenuh masa, manakala selebihnya, iaitu 2.9% bekerja secara sambilan.

Guna Tenaga PKS mengikut Sektor



Sumbangan PKS kepada Jumlah Nilai Ditambah dan Pengeluaran

PKS menjana kira-kira RM154 bilion nilai ditambah dan RM405 bilion pengeluaran pada tahun 2003. Namun begitu, meskipun mencakupi 99.2% daripada jumlah pertubuhan perniagaan, nilai ditambah dan pengeluaran ini masing-masing hanya mencakupi 47.3% dan 43.5% daripada jumlah nilai ditambah dan pengeluaran pertubuhan perniagaan yang memberi maklum balas kepada Banci. Sebagai perbandingan, PKS menyumbang kira-kira 50% daripada jumlah nilai ditambah di Korea dan 55% daripada keluaran dalam negeri kasar di Jepun.

Dari segi nilai ditambah mengikut sektor, sumbangan PKS adalah tertinggi dalam sektor perkhidmatan, iaitu mencakupi sebanyak 54.7% daripada jumlah nilai ditambah, diikuti oleh sektor pertanian (39.7% daripada jumlah nilai ditambah sektor itu) dan sektor perkilangan (37.1%). Ini mencerminkan penguasaan perusahaan besar dalam sektor perkilangan, iaitu lebih kurang 1,353 perusahaan besar menyumbang kira-kira 62.9% daripada nilai ditambah sektor itu. Begitu juga dengan sektor pertanian, di mana 271 perusahaan besar menyumbang kira-kira 60.3% daripada nilai ditambah.

Sumbangan kepada Jumlah Nilai Ditambah



PKS dan Produktiviti

Hasil Banci menunjukkan bahawa secara amnya, produktiviti PKS adalah terlalu rendah berbanding dengan produktiviti perusahaan besar. PKS menjana RM0.3 juta nilai ditambah dan RM0.8 juta pengeluaran bagi setiap pertubuhan, berbanding dengan perusahaan besar yang menjana RM41 juta nilai ditambah dan RM127 juta pengeluaran bagi setiap pertubuhan.

Begitu juga dari segi produktiviti pekerja, dengan PKS menjana RM0.05 juta nilai ditambah dan RM0.13 juta pengeluaran bagi setiap pekerja, berbanding dengan perusahaan besar yang menjana RM0.1 juta nilai ditambah dan RM0.32 juta pengeluaran bagi setiap pekerja.

Nilai Ditambah bagi Setiap Pekerja

Nilai Ditambah bagi Setiap Pekerja atau produktiviti pekerja mencerminkan kecekapan pekerja dalam menjana nilai ditambah. PKS keseluruhan mencatat Nilai Ditambah bagi Setiap Pekerja sebanyak RM50,419 dengan perusahaan sederhana menjana paras tertinggi sebanyak RM76,911, diikuti oleh perusahaan kecil (RM48,528) dan perusahaan mikro (RM38,162). Nilai yang dicatat oleh PKS berbeza dengan perusahaan besar yang mencatat Nilai Ditambah bagi Setiap Pekerja sebanyak RM104,579, menunjukkan kecekapan pekerja yang lebih tinggi dalam menjana nilai ditambah.

Antara sektor, PKS dalam sektor perkilangan mencatat Nilai Ditambah bagi Setiap Pekerja yang tertinggi, iaitu sebanyak RM64,089, diikuti oleh PKS dalam sektor perkhidmatan (RM47,151) dan pertanian (RM27,526).

Aset Tetap bagi Setiap Pekerja

Aset Tetap bagi Setiap Pekerja atau Keamatan Modal (Capital Intensity) menunjukkan jumlah aset tetap yang diperuntukkan kepada setiap pekerja. Ia memberi gambaran sama ada sesuatu perusahaan itu intensif modal ataupun intensif pekerja. Prestasi keseluruhan PKS mencatat nilai Aset Tetap bagi Setiap Pekerja sebanyak RM61,296. Perusahaan sederhana mencatat nilai tertinggi iaitu sebanyak RM102,764, diikuti oleh perusahaan kecil (RM54,891) dan perusahaan mikro (RM45,878). Perusahaan besar pula mencatat nilai yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM150,162, menunjukkan bahawa kumpulan itu lebih intensif modal.

Sektor pertanian mencatat nilai Aset Tetap bagi Setiap Pekerja yang tertinggi iaitu sebanyak RM125,095, diikuti oleh sektor perkilangan sebanyak RM76,535 dan sektor perkhidmatan sebanyak RM52,274. Nisbah Aset Tetap bagi Setiap Pekerja yang tinggi, terutamanya bagi PKS dalam sektor pertanian mencerminkan bahawa wujudnya peralihan sektor itu ke arah intensif modal melalui pertambahan pelaburan dalam infrastruktur serta jentera dan kelengkapan baru.

Kos Setiap Pekerja

Kos Setiap Pekerja merujuk pada imbuhan dan faedah yang diterima oleh setiap pekerja. Nisbah yang tinggi menunjukkan pulangan yang tinggi bagi setiap pekerja dan sebaliknya. Secara keseluruhan, setiap pekerja dalam PKS menerima imbuhan dan faedah purata sebanyak RM13,104 setahun pada tahun 2003. Pekerja dalam perusahaan sederhana mencatat paras tertinggi iaitu sebanyak RM19,276, diikuti oleh pekerja dalam perusahaan kecil sebanyak RM15,449 dan pekerja dalam perusahaan mikro sebanyak RM7,199. Sebaliknya, Kos Setiap Pekerja dalam perusahaan besar adalah lebih tinggi iaitu pada purata RM23,698.

Imbuhan tertinggi diterima oleh pekerja dalam sektor perkilangan, iaitu sebanyak RM14,774, diikuti oleh pekerja dalam sektor perkhidmatan (RM12,966), manakala pekerja dalam sektor pertanian menerima imbuhan terendah sebanyak RM5,951.

PKS dan Eksport

Daripada 523,132 perusahaan perniagaan yang memberi maklum balas kepada Banci, hanya 5,221 perusahaan memberi maklum balas kepada soalan tentang prestasi eksport. Daripada jumlah ini, 4,255 adalah daripada PKS. PKS ini mengeksport barangan dan perkhidmatan bernilai RM38 bilion pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, ini hanya merupakan 16.6% daripada jumlah eksport bernilai RM229 bilion oleh 5,221 perusahaan perniagaan itu.

Kebanyakan pengeksport PKS adalah dalam sektor perkilangan (lebih daripada separuh) dan PKS dalam sektor itu menyumbang kira-kira 85.7% daripada jumlah nilai eksport PKS. Pengeksport PKS selebihnya adalah dalam sektor perkhidmatan (40.6%) dan pertanian (1.8%), dan masing-masing menyumbang 13.9% dan 0.4% daripada jumlah nilai eksport PKS.

Pelaburan dalam R&D

Dapatan Banci menunjukkan bahawa tahap pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kalangan perusahaan perniagaan di dalam negara ini adalah terlalu rendah. Hanya 2,747 pertubuhan atau 0.5% daripada jumlah pertubuhan yang menyatakan bahawa mereka melabur dalam R&D pada tahun 2003. Perbelanjaan atas R&D berjumlah RM2.0 bilion pada tahun 2003 dan mencakupi hanya 1.3% daripada jumlah nilai ditambah. Pelaburan oleh PKS dan perusahaan besar dalam R&D masing-masing mencakupi hanya sebanyak 0.6% dan 0.7% daripada jumlah nilai ditambah.

Daripada jumlah pertubuhan yang terlibat dengan R&D, sebanyak 85.7% atau lebih kurang 2,355 pertubuhan adalah PKS. Walau bagaimanapun, dari segi nilai, pelaburan PKS dalam R&D mencakupi kira-kira 46.3% daripada jumlah pelaburan dalam R&D.

PKS dan Pemasaran

Banci menunjukkan bahawa hanya kurang 10% daripada 518,996 PKS menjalankan beberapa bentuk aktiviti pemasaran dan promosi. Dari segi bahagian peratusan, PKS dalam sektor perkilangan ialah kumpulan yang paling aktif terlibat dalam aktiviti pemasaran dan promosi, diikuti oleh PKS dalam sektor perkhidmatan (dan pertanian).

PKS dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan menjalankan aktiviti pemasaran, terutama melalui media dan diikuti oleh penjenamaan dan penyertaan dalam pameran-pameran.

PKS dan Akses kepada Pembiayaan

Banci juga memberi maklumat mengenai akses kepada pembiayaan oleh PKS. Aspek yang dibanci termasuk sumber pembiayaan untuk PKS, jenis dan tujuan pembiayaan serta kekangan yang dihadapi oleh PKS untuk memperoleh pembiayaan. Dapatan Banci tentang aspek pembiayaan itu dinyatakan dalam Bab 6 laporan ini.

Profil PKS di Malaysia dan Negara-negara Terpilih

Dengan ketiadaan tanda aras global yang boleh digunakan untuk memberi definisi PKS, pelbagai ukuran telah diwujudkan untuk memberi definisi PKS dalam setiap ekonomi. Ini termasuklah ukuran yang mengambil kira bilangan pekerja, jumlah modal yang dilabur, jumlah amaun aset, jumlah jualan dan keupayaan pengeluaran. Ukuran yang biasa digunakan ialah bilangan pekerja.

Meskipun terdapat kemungkinan wujudnya perbezaan dalam definisi PKS, masih penting untuk mengambil perhatian bahawa kedudukan Malaysia tidak berbeza dengan ekonomi lain. Dari segi PKS sebagai peratusan daripada jumlah pertubuhan, seperti juga di negara-negara lain dalam ekonomi global, PKS mencakupi kira-kira 99% daripada jumlah pertubuhan, dengan profil PKS di Malaysia tidak mempunyai banyak perbezaan dengan negara-negara lain.

Statistik Utama PKS^

Negara	Ukuran yang digunakan dalam definisi PKS	% daripada jumlah pertubuhan	% daripada jumlah tenaga kerja	% sumbangan PKS kepada KDNK/Jumlah nilai ditambah (*)
Malaysia	Pekerjaan dan jualan	99.2	65.1	47.3*
Jepun	Pekerjaan dan aset	99.7	70.2	55.3
Taiwan	Pekerjaan, jualan dan modal	97.8	77.2	t.d
Korea	Pekerjaan dan aset	99.8	86.7	50*
Thailand	Pekerjaan dan modal tetap	99.6	69.0	38.9
Singapura	Pekerjaan dan aset tetap	91.5	51.8	34.7*
Jerman	Pekerjaan dan jualan	99.7	79.0	57.0 [a]
Indonesia	Aset dan jualan	99.9	99.6	57
China	Pekerjaan, jualan dan aset	99.0	69.7	60*
Filipina	Pekerjaan dan aset	99.6	69.1	32*

Nota :
a KNK
^ Dikemaskini pada 30 Mei 2006

Sumber :
Malaysia – Banci 2005
Jepun – JASME Annual Report 2004-2005, JASME (http://www.jasme.go.jp)
APEC - SME Profile (http://www.actetsme.org)
A Comprehensive Framework for the Development of SMEs in Malaysia (BNM 2003).
Taiwan – *White Paper on SMEs in Taiwan 2005*, SMEA (http://www.moeasmea.gov.tw)
Korea – *Korean SMEs (2002)*,SMBA (http://www.smba.go.kr)
APEC - SME Profile (http://www.actetsme.org)
Thailand – *White Paper on SMEs in Thailand 2002*, OSMEP (http://www.sme.go.th)
Singapura – APEC - SME Profile (http://www.actetsme.org)
Jerman – *SMEs in Germany - Facts and Figures 2004*; and
Mittelstand - Definition and Key Figures (2003), IfM Bonn
(http://www.ifm-bonn.org)
A Comprehensive Framework for the Development of SMEs in Malaysia (BNM 2003)
Indonesia – *APEC - SME Profile* (http://www.actetsme.org)
China – *APEC - SME Profile* (http://www.actetsme.org)
Filipina – *National SME Development Agenda (NSO - 2000/2001)*, DTI (http://www.dti.gov.ph)
APEC - SME Profile (http://www.actetsme.org)

Pemerhatian Utama

Banci telah memberi gambaran yang mendalam tentang keadaan PKS di dalam negara. Gambaran ini tentu sekali berguna kepada pembuat dasar dalam merangka strategi dan program bagi mengukuhkan keupayaan PKS untuk menyumbang kepada ekonomi.

Pemerhatian yang mungkin mempunyai implikasi terhadap dasar PKS termasuk perkara-perkara berikut:

- Memandangkan bilangan PKS yang besar dan sumbangannya kepada ekonomi dan guna tenaga, sudah tentu ia amat kritikal kepada Kerajaan untuk memberi tumpuan pada pengukuhan daya saing dan daya tahan PKS;

- Sebilangan besar perusahaan mikro menyatakan bahawa terdapat keperluan terhadap strategi yang sesuai bagi membimbing dan menyokong kumpulan perusahaan perniagaan ini. Strategi itu perlulah komprehensif, merangkumi bidang seperti infrastruktur, dan program untuk menyokong pembangunan serta memudahkan akses kepada pembiayaan untuk kumpulan perusahaan perniagaan ini;

- Tahap pelaburan dalam R&D dan produktiviti yang secara relatifnya adalah rendah di kalangan PKS, perlu diatasi. Sekiranya tiada sebarang tindakan diambil, ia akan memberi impak ke atas daya saing PKS. Oleh itu, salah satu daripada teras strategik pembangunan PKS adalah untuk membina kapasiti dan keupayaan PKS, dengan tumpuan diberikan, antara lain, ke arah pengukuhan pembangunan produk dan penggunaan teknologi oleh PKS;

- Terdapat potensi yang besar untuk meningkatkan eksport PKS. Ini memerlukan suatu strategi yang komprehensif yang merangkumi antaranya, pembangunan produk, akreditasi kualiti, penjenamaan serta pemasaran dan promosi; dan

- Secara relatif, peratusan PKS yang menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi adalah rendah. Ini memerlukan strategi yang komprehensif dan terselaras untuk mengukuhkan keupayaan PKS dalam aspek penting ini.

Kaji Selidik PKS oleh Bank Negara Malaysia

Dalam usaha untuk menilai kedudukan semasa PKS dan keperluan mereka, dan untuk mengenal pasti isu-isu yang dihadapi PKS, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kaji selidik mengenai PKS pada bulan November 2001. Kaji selidik ini dijalankan melalui institusi kewangan dan Dewan-dewan Perniagaan. Dapatan daripada kaji selidik atas 7,700 PKS serta kajian mengenai pengalaman Jepun, Thailand, China Taipei dan Jerman dalam menyokong PKS mereka menjadi asas kepada laporan "Rangka Kerja Komprehensif untuk Pembangunan PKS di Malaysia" (A Comprehensive Framework for the Development of SMEs in Malaysia).

(a) Profil PKS

PKS terlibat dalam berbagai-bagai aktiviti ekonomi. 33% daripadanya terlibat dalam perdagangan edaran, manakala 23% terlibat dalam aktiviti perkhidmatan lain, iaitu daripada hotel dan restoran hinggalah kepada kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. PKS dalam sektor perkilangan merupakan 32% daripada jumlah responden.

Dari segi struktur pemilikan, 88% daripada PKS merupakan perniagaan milik keluarga. Secara umum, saiz PKS amat kecil, dengan 77% daripada mereka mempunyai jumlah aset kurang daripada RM5 juta, manakala 74% mempunyai kurang daripada 50 pekerja sepenuh masa. Oleh sebab saiznya yang kecil, kebanyakan PKS tertumpu pada pasaran dalam negeri. Hanya 8% daripada PKS mengeksport produk mereka.

(b) Bantuan yang Diperlukan oleh PKS

Kaji selidik ini menunjukkan bahawa kebanyakan PKS menghadapi berbagai-bagai kekangan yang menyekat kemampuan mereka untuk bersaing dan menyumbang kepada ekonomi secara berkesan.

(i) Pembiayaan Operasi PKS

Sejumlah 62% daripada PKS dalam data sampel menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah mendapatkan pembiayaan. Dari segi sumber pembiayaan, hampir separuh atau 47% daripada PKS melaporkan bahawa mereka meminjam daripada institusi perbankan untuk membiayai operasi perniagaan. Sejumlah 32.4% daripada PKS menggunakan modal sendiri manakala 11% bergantung pada sumber lain seperti keluarga, sahabat handai dan kredit pembekal. Hanya 4.1% daripada PKS meminjam daripada institusi kewangan pembangunan.

(ii) Penggunaan Teknologi

Kaji selidik ini menunjukkan bahawa hanya 5% daripada PKS telah menggunakan sepenuhnya automasi dalam operasi mereka, manakala 45% masih intensif pekerja. Tambahan lagi, 48% daripada PKS melaporkan kurang menggunakan komputer dalam urusan harian mereka. Ketidakmampuan untuk memanfaatkan teknologi menyebabkan aktiviti yang kurang kompetitif dan menjejaskan keupayaan PKS untuk bersaing dalam pasaran global.

(iii) Latihan

Dapatan daripada kaji selidik ini menunjukkan PKS agak kurang menitikberatkan latihan, dengan 43% daripada mereka tidak menyediakan latihan kepada kakitangan mereka. Bagi PKS yang menyediakan latihan, program latihan yang diberi pada amnya ialah latihan teknikal yang merangkumi latihan kemahiran asas sambil bekerja. Hanya 43.6% daripada PKS yang menyediakan latihan mengikuti modul latihan yang berkaitan bidang perniagaan dan pengurusan.

(iv) Khidmat Nasihat

Faktor lain yang kelihatan menjejas prestasi PKS ialah kurangnya akses kepada khidmat nasihat untuk meningkatkan operasi perniagaan mereka. Daripada respons yang diterima daripada PKS, jelas bahawa PKS memerlukan banyak nasihat perniagaan dan kewangan bagi membantu mereka meningkatkan daya maju perniagaan.

Kaji selidik ini menunjukkan bahawa majoriti daripada PKS (52%) tidak mempunyai akses kepada khidmat nasihat, manakala PKS yang mempunyai akses kepada khidmat nasihat bergantung kepada sektor swasta. Hanya 14% daripada PKS mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi Kerajaan. Bagi meningkatkan daya maju perniagaan, PKS menyatakan bahawa khidmat nasihat yang diperlukan terutamanya dalam bidang pemasaran, pentadbiran perniagaan dan pengurusan, teknologi maklumat, perakaunan dan kewangan.

Khidmat Nasihat yang Diperlukan oleh PKS



Rencana Khas : Kaji Selidik PKS oleh Bank Negara Malaysia

(v) Bantuan Pemasaran

Keputusan kaji selidik ini juga menunjukkan bahawa PKS tertumpu terutamanya pada pasaran dalam negeri. PKS kurang terlibat dalam perdagangan antarabangsa dan oleh sebab itu mereka terlepas peluang bersaing dalam pasaran besar. Lebih 60% daripada PKS bergantung pada usaha pemasaran sendiri untuk menjual produk mereka, manakala 21% menjual produk melalui pameran perdagangan. Hanya 7% menjual produk melalui syarikat perdagangan. PKS memerlukan bantuan Kerajaan untuk pemadanan perniagaan, untuk memudahkan lebih akses kepada syarikat perdagangan dan untuk menganjurkan lebih banyak pameran perdagangan dan jerayawara di Malaysia dan di luar negara.

Bantuan Pemasaran yang Diperlukan oleh PKS



Rencana Khas : Kaji Selidik PKS oleh Bank Negara Malaysia

(vi) Masalah dalam Operasi Perniagaan

Banyak PKS yang dikaji menyatakan beberapa isu yang mereka hadapi. Sokongan Kerajaan dalam bidang teknologi maklumat, akses kepada maklumat dan program latihan juga diperlukan. Masalah yang dihadapi dan bidang bantuan Kerajaan yang diinginkan oleh PKS tertera dalam carta di bawah:-

Masalah dalam Operasi Perniagaan dan Bentuk Bantuan Kerajaan

Tahap	Masalah
1	Persaingan daripada syarikat-syarikat yang lebih besar
2	Tidak mampu memperolehi pinjaman
3	Tidak boleh mendapatkan tenaga kerja mahir
4	Persaingan daripada syarikat-syarikat baru
5	Kurang sokongan daripada Kerajaan

Tahap	Bentuk Bantuan Kerajaan
1	Insentif cukai
2	Akses yang lebih baik kepada pembiayaan
3	Lebih banyak sokongan teknologi
4	Badan berpusat yang mengumpul dan menyebarkan maklumat tentang PKS
5	Badan latihan berpusat

(c) Faktor Kejayaan Utama PKS

Bank Negara Malaysia juga menjalankan beberapa kajian kes terhadap PKS yang berjaya di Malaysia untuk mengenal pasti faktor kejayaan utama mereka. PKS yang terlibat dalam kajian kes itu telah beroperasi lebih daripada 10 tahun, dan dipilih berdasarkan prestasi kewangan dan rekod pencapaian.

Kajian kes menunjukkan bahawa walaupun PKS adalah daripada industri yang berlainan, semua perusahaan mempunyai faktor kejayaan kritikal yang sama, iaitu:

- Keupayaan pengurusan dan integriti yang mantap;
- Budaya perniagaan dan semangat keusahawanan yang teguh;
- Pengurusan kewangan yang berhemat;
- Produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi;
- Program pembangunan sumber manusia yang baik;
- Sokongan kuat daripada institusi kewangan dari segi pemberian pinjaman dan khidmat nasihat; dan
- Strategi pemasaran yang kukuh, termasuk rangkaian pembekal yang baik.

Rencana Khas : Kaji Selidik PKS oleh Bank Negara Malaysia